



BIL: Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (18)

Tarikh: 3 Mac 2026

RAMADHAN ON WHEELS@PJ DIGERAKKAN KE ENAM LOKASI KEDIAMAN, PERKUKUH AGENDA KELESTARIAN DAN KEBAJIKAN

Petaling Jaya, 3 Mac 2026 – **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** terus memperkasa agenda kebajikan komuniti dan kelestarian alam sekitar menerusi pelaksanaan Program “Tukar dan Tebus” melalui inisiatif **Ramadhan On Wheels@PJ**.

Inisiatif ini telah dirasmikan oleh **Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin** pada **25 Februari 2026** dan akan digerakkan ke **enam (6) lokasi** kediaman terpilih sekitar Petaling Jaya sepanjang bulan Ramadhan.

BIL.	TARIKH	LOKASI
1.	27 Februari 2026 (Jumaat)	Pangsapuri Baiduri, Seksyen 51A
2.	2 Mac 2026 (Isnin)	Pangsapuri Gugusan Semarak, Kota Damansara
3.	3 Mac 2026 (Selasa)	Pangsapuri Idaman, Damansara Damai
4.	4 Mac 2026 (Rabu)	PPR Lembah Subang 2 (Blok B)
5.	5 Mac 2026 (Khamis)	PPR Kota Damansara (Blok C)
6.	13 Mac 2026 (Jumaat)	Blok 11, Desa Mentari

Menerusi program ini, penduduk membawa **barangan kitar semula** terpilih iaitu plastik dan tin untuk ditukar dengan juadah berbuka puasa berdasarkan berat timbangan yang dikumpulkan. Penebusan bagi **1 kilogram** bahan kitar semula melayakkan penerima memperoleh **Menu A bernilai RM80** yang merangkumi nasi beriani, kari kambing, ayam madu, daging masak hitam dan roti canai untuk empat orang, dengan penyediaan sebanyak 40 beg bagi setiap sesi.

Bagi timbangan **750 gram** pula, penerima layak memperoleh **Menu B bernilai RM60** untuk tiga orang yang mengandungi nasi beriani, kari kambing, ayam madu dan roti canai, dengan jumlah 30 beg disediakan.



Manakala bagi timbangan **500 gram, Menu C bernilai RM50** untuk tiga orang ditawarkan, merangkumi nasi beriani, ayam madu, daging masak hitam dan roti canai dengan penyediaan sebanyak 40 beg. Penebusan makanan diberikan secara terus dalam bentuk makanan siap dan bukan baucar, dengan had maksimum 160 penerima bagi setiap lokasi.

Bagi memastikan kualiti dan konsistensi penyediaan juadah, MBPJ bekerjasama dengan **Restoran Syed Bistro** dan **Restoran Original Penang Kayu Nasi Kandar** sebagai rakan penyedia makanan rasmi program tahun ini.

Semua bahan kitar semula yang dikumpulkan akan diasingkan mengikut kategori sebelum dihantar kepada ejen atau syarikat kitar semula berdaftar yang dilantik oleh Majlis untuk diproses semula. Hasil daripada proses tersebut akan disalurkan kembali bagi menyokong pelaksanaan program kebajikan serta inisiatif kelestarian alam sekitar di kawasan pentadbiran MBPJ.

Melalui pelaksanaan Ramadhan *On Wheels@PJ*, MBPJ bukan sahaja meringankan beban komuniti sempena Ramadan, malah memperkukuh budaya kitar semula dan pengurusan sisa mampan demi kesejahteraan warga Petaling Jaya secara berterusan.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (19)

Tarikh: 9 Mac 2026

MBPJ TERAJUI INOVASI DIGITAL MAMPAN, PERKENAL PJ EKO REBAT (PJeR) PERTAMA DI MALAYSIA

Petaling Jaya, 9 Mac 2026 – **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** terus mengukuhkan statusnya sebagai peneraju bandar raya pintar dan mampan menerusi pelancaran **Program Geran Komuniti Petaling Jaya Mampan (PJ SEED), Sistem PJ Eko Rebat (PJeR) serta Program Kitar Semula Sekolah**. Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya di Ibu Pejabat MBPJ, hari ini.

Transformasi Digital: PJ Eko Rebat (PJeR)

Sistem PJ Eko Rebat (PJeR) merupakan **platform digital perintis dan yang pertama** seumpamanya diperkenalkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia. Sistem ini merupakan penjenamaan semula **Skim Rebat Cukai Taksiran** kepada Pemilik Rumah Mesra Alam yang telah dilaksanakan sejak tahun 2011.

Melalui sistem baharu ini, warga kota kini boleh mengemukakan permohonan, memuat naik dokumen sokongan serta menyemak status dengan lebih mudah, pantas dan efisien secara dalam talian.

Menurut Datuk Bandar Petaling Jaya, sebanyak **243 permohonan** telah diluluskan bagi tahun **2025** melibatkan nilai **RM81,075.28**, yang akan dikreditkan pada **penggal kedua tahun 2026**. Secara kumulatif sejak 2011 hingga 2025, MBPJ telah menerima **2,861 permohonan** dengan 2,556 daripadanya layak menerima rebat berjumlah hampir RM1 juta, sebagai penghargaan kepada warga Petaling Jaya yang mengamalkan gaya hidup lestari dan mesra alam.

RM500,000 Dana PJ SEED 2026

Dalam usaha memperkasakan peranan komuniti dalam pembangunan bandar mampan, MBPJ memperuntukkan **RM500,000** bagi meneruskan **Program Geran Komuniti Petaling Jaya Mampan (PJ SEED)** untuk tahun **2026**. Sejak diperkenalkan pada 2019, sebanyak 180 projek komuniti telah diluluskan dengan jumlah peruntukan keseluruhan mencecah RM3.2 juta.

"Program ini menjadi platform penting untuk menggalakkan penyertaan aktif masyarakat dalam melaksanakan projek inovatif yang memberi manfaat kepada komuniti dan alam sekitar," tambah beliau.

Pendidikan Kelestarian & Pelantikan Duta PJ Bersih



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://www.instagram.com/pjcitycouncil)

MBPJ turut memberi penekanan kepada pendidikan kelestarian melalui **Program Kitar Semula Sekolah** dengan kerjasama **Fraser & Neave Holdings Bhd. serta Tetra Pak Malaysia Sdn. Bhd.** Antara tahun 2022 hingga 2024, sebanyak 30 buah sekolah telah menyertai program ini dengan jumlah kutipan bahan kitar semula mencecah 126,707 kilogram.

Selain itu, majlis turut menyaksikan pelantikan **13 Duta PJ Bersih bagi sesi 2026 - 2027**, yang akan bertindak sebagai rakan strategik dalam memantau tahap kebersihan bandar serta mendidik komuniti mengenai kepentingan menjaga kemudahan awam dan mengamalkan budaya kitar semula.

MBPJ berharap inisiatif ini dapat memupuk budaya kelestarian yang lebih kukuh dalam kalangan warga Petaling Jaya, sekali gus mengukuhkan usaha membina sebuah bandar yang hijau, bersih, berdaya tahan, dan sejahtera untuk generasi masa hadapan.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL: Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (20)

Tarikh: 13 Mac 2026

MBPJ SALUR RM60,000 SUMBANGAN AIDILFITRI, RAI ANAK YATIM DAN KELUARGA KURANG BERKEMAMPUAN PADA MAJLIS IFTAR

Petaling Jaya, 13 Mac 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terus memperkukuh komitmen kebajikan komuniti apabila menyalurkan sumbangan berjumlah **RM60,000** kepada **150 anak yatim** dan **100 penerima** daripada keluarga kurang berkemampuan menerusi **Majlis Iftar Warga Kerja MBPJ Bersama Anak-Anak Yatim dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri** yang berlangsung di Laman MBPJ, hari ini.

Majlis telah disempurnakan oleh **YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya**, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan MBPJ dalam menyantuni golongan yang memerlukan serta meringankan beban mereka menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Menurut Datuk Bandar Petaling Jaya, inisiatif tersebut mencerminkan komitmen MBPJ dalam memastikan kesejahteraan komuniti terus diberi perhatian, khususnya kepada golongan yang kurang berkemampuan di bandar raya ini.

“Program santunan seperti ini bukan sekadar bantuan bermusim, tetapi merupakan manifestasi keprihatinan berterusan MBPJ dalam memperkukuh kesejahteraan masyarakat serta memupuk nilai kebersamaan dalam kalangan warga bandar raya Petaling Jaya,” katanya.

Dalam majlis tersebut, **150 anak yatim** yang terdiri daripada **anak-anak warga kerja MBPJ** serta anak-anak daripada **kariah Masjid Dato' Haji Kamaruddin Seksyen 51A, Masjid Ara Damansara** dan **Masjid As-Salam** menerima sumbangan **RM200** setiap seorang berserta **biskut raya dan baucar beli-belah bernilai RM130**, manakala **100 penerima** yang dikenal pasti melalui pangkalan **data e-Kasih** menerima sumbangan **RM300** setiap seorang berserta biskut raya sebagai persediaan menyambut Aidilfitri.

Sebagai penghargaan kepada rakan penaja dan penyumbang yang turut menjayakan program ini, Datuk Bandar Petaling Jaya turut menyampaikan sijil penghargaan kepada **11 rakan penaja** yang telah memberikan sumbangan serta sokongan dalam menjayakan penganjuran majlis ini iaitu:

1. Laguna DB Sdn. Bhd.
2. Tetuan Land & General Berhad
3. Spectrum Outdoor Marketing Sdn. Bhd.
4. Restoran Nasi Kandar Padang Kota



5. Restoran Original Penang Kayu Nasi Kandar
6. Restoran Ajmeer Curry House
7. Encik Mohd Ikhshan bin Mohamad Din, Ahli Majlis MBPJ Zon 4
8. Cik Quratulain Atiqah binti Norzahirul Anuar, Ahli Majlis MBPJ Zon 6
9. Puan Norah binti Mansor, Ahli Majlis MBPJ Zon 17
10. Encik Mohamed Hamka bin Mohamed Jumah, Ahli Majlis MBPJ Zon 22
11. Puan Nurashikin binti Ali, Ahli Majlis MBPJ Zon 23

Kerjasama strategik ini mencerminkan komitmen berterusan sektor korporat dalam menyokong usaha MBPJ memperkukuh kesejahteraan komuniti serta memupuk budaya keprihatinan dan semangat kebersamaan dalam kalangan masyarakat.

Penganjuran program ini selaras dengan aspirasi pembangunan bandar di bawah **Pelan Strategik MBPJ 2026–2030** yang menggariskan enam (6) Teras Strategik merangkumi Ekonomi, Pembangunan Bandar, Komuniti Inklusif dan Sejahtera, Integriti dan Tadbir Urus, Bandar Raya Rendah Karbon dan Adaptasi Iklim serta Penyampaian Perkhidmatan Berorientasikan Mesra Rakyat. Pelan ini memberi penekanan kepada kesejahteraan komuniti, pembangunan sosial yang inklusif serta pengukuhan kerjasama strategik antara pihak berkuasa tempatan, sektor swasta dan masyarakat.

MBPJ berharap inisiatif seumpama ini akan terus diperkasakan melalui penglibatan pelbagai pihak dalam memastikan tiada golongan masyarakat yang tercicir daripada arus pembangunan bandar raya ini.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL: Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (21)

Tarikh: 14 Mac 2026

MBPJ DAN MIP METERAI MOU PERKUKUH PERANAN PERANCANG BANDAR SEBAGAI PEMIMPIN STRATEGIK BANDAR

Kuala Lumpur, 14 Mac 2026 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini memeterai **Memorandum Persefahaman (MoU)** dengan **Pertubuhan Perancang Malaysia (Malaysian Institute of Planners, MIP)** dalam usaha memperkukuh kerjasama strategik bagi meningkatkan kualiti amalan perancangan bandar serta memperkasa peranan profesional perancang bandar sebagai pemimpin strategik dalam pengurusan bandar.

Majlis pemeteraian tersebut berlangsung bersempena **Sesi Perkongsian “Town Planner as City Manager: Beyond Compliance Towards City Leadership from Plan Submission to Strategic Urban Advisory”** yang diadakan di M Resort & Hotel, Kuala Lumpur.

YBhg. Dato’ Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya dalam ucapannya berkata, landskap pembangunan bandar masa kini semakin kompleks dengan pelbagai cabaran termasuk **kepadatan pembangunan, perubahan iklim, tuntutan prinsip Environmental, Social and Governance (ESG)** serta **jangkaan masyarakat** terhadap tadbir urus bandar yang lebih telus dan inklusif.

Menurut beliau, perkembangan teknologi seperti analitik data, sistem geospasial dan kecerdasan buatan turut mengubah pendekatan perancangan bandar, sekali gus menjadikan data sebagai komponen strategik dalam proses membuat keputusan pembangunan bandar.

Sehubungan itu, profesion perancang bandar perlu berkembang daripada peranan tradisional sebagai penyedia dokumen pelan kepada penasihat strategik bandar yang mampu mentafsir data, memahami sistem bandar secara menyeluruh serta menyokong kepimpinan bandar dalam membuat keputusan yang memberi impak kepada masyarakat.

Beliau turut menegaskan bahawa dalam konteks pihak berkuasa tempatan, peranan tersebut amat signifikan kerana PBT berada di barisan hadapan dalam menterjemahkan dasar kepada tindakan di peringkat bandar, selain memastikan pembangunan dilaksanakan secara mampan, inklusif dan berdaya tahan.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan bahawa MBPJ kini mempunyai **22 pelan strategik** dan **pelan tindakan bandar** yang merangkumi pelbagai dimensi pembangunan termasuk **kesejahteraan sosial, mobiliti bandar, persekitaran mampan, keselamatan komuniti, pembangunan ruang awam** serta **pembangunan ekonomi bandar**.



Kesemua pelan tersebut dilaksanakan melalui proses libat urus yang menyeluruh bersama pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, badan profesional, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta komuniti setempat bagi memastikan perancangan bandar benar-benar mencerminkan aspirasi masyarakat.

Pada masa yang sama, MBPJ kini sedang menyediakan **Pelan Rancangan Tempatan (Penggantian) Petaling Jaya**, yang akan menjadi dokumen dasar utama bagi memandu perancangan dan pembangunan bandar Petaling Jaya bagi **tempoh 10 hingga 20 tahun** akan datang.

Dokumen tersebut bukan sahaja merangkumi aspek guna tanah, malah turut berfungsi sebagai kompas pembangunan bandar yang menentukan hala tuju pembangunan fizikal, ekonomi bandar, mobiliti, persekitaran serta kesejahteraan komuniti pada masa hadapan.

Menariknya, sesi perkongsian tersebut turut menampilkan wakil daripada **Ahli Majlis Kanak-Kanak Petaling Jaya** yang berkongsi pengalaman mereka sebagai **suara kanak-kanak dalam proses perancangan dan pengurusan bandar di Petaling Jaya**.

Penglibatan Ahli Majlis Kanak-Kanak Petaling Jaya ini mencerminkan pendekatan MBPJ yang memberi ruang kepada generasi muda untuk turut menyumbang pandangan dan idea mengenai masa depan bandar, selaras dengan aspirasi Petaling Jaya sebagai bandar yang inklusif dan mesra kanak-kanak.

Melalui pemeteraian MoU antara MBPJ dan MIP ini, kedua-dua pihak akan memperkukuh kerjasama dalam bidang penyelidikan, pembangunan kapasiti profesional, latihan, advokasi serta pelaksanaan projek perintis yang mampu meningkatkan kualiti amalan perancangan bandar di Petaling Jaya.

Kerjasama ini dijangka menyumbang kepada pembangunan bandar yang lebih mampan, inklusif dan berdaya tahan, selari dengan aspirasi MBPJ untuk terus memperkukuh kedudukan Petaling Jaya sebagai bandar yang progresif dan berorientasikan masa hadapan.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL: Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/8 (22)

Tarikh: 17 Mac 2026

MBPJ SANTUNI WARGA KERJA MELALUI PROGRAM SUMBANGAN BAKUL MAKANAN SEMPENNA AIDILFITRI

Petaling Jaya, 17 Mac 2026 – Dalam usaha menyantuni warga kerja serta menyemarakkan semangat Ramadan 1447H, **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** hari ini menganjurkan **Program Pemberian Bakul Makanan Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2026** sebagai tanda penghargaan atas komitmen dan dedikasi warga kerja dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk Petaling Jaya.

Program yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kwarters Inai Merah, Jalan 4/46 Petaling Jaya ini telah disempurnakan oleh **YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya**.

Seramai **2,050 penerima** terdiri daripada Ahli Majlis, Ketua Jabatan serta warga kerja MBPJ termasuk kakitangan tetap dan kontrak menerima bakul makanan sebagai persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Setiap bakul makanan mengandungi barangan keperluan dapur antaranya **nasi impit (dua paket), minyak masak satu kilogram, bihun 400 gram, gula pasir kasar satu kilogram, kordial air sarsi satu liter, tepung gandum satu kilogram** serta **kicap 450 gram**.

Program ini merupakan inisiatif kebajikan yang telah dilaksanakan oleh MBPJ sejak tahun 2007 sebagai usaha menghargai sumbangan warga kerja yang menjadi tonggak kepada kelancaran pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan bandar raya.

Bagi tahun ini, MBPJ memperuntukkan anggaran perbelanjaan sebanyak **RM102,500** bagi memastikan sumbangan ini dapat dinikmati oleh seluruh warga kerja MBPJ.

Program ini diharap dapat membantu meringankan persiapan menyambut Aidilfitri serta memperkukuh hubungan silaturahim antara pihak pengurusan dan warga kerja MBPJ.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

